



PERDANA LIBRARY  
PERDANA LEADERSHIP FOUNDATION  
NEWSPAPER CLIPPING

Newspaper	Berita Harian
Date	11/7/2011

Oleh Faiza Zainudin  
[faiza@bharian.com.my](mailto:faiza@bharian.com.my)

**K**UALA LUMPUR: Datuk Seri Najib Razak menegaskan beliau akan mempertahankan sistem demokrasi dan tidak akan sekali menubuhkan kerajaan dengan cara menipu rakyat, sebaliknya membina negara atas sokongan dan dokongan rakyat secara sepenuhnya.

## UMNO, BN pejuang sebenar demokrasi

Perdana Menteri berkata, UMNO adalah parti yang berdiri atas sokongan rakyat yang lahir dari hati nurani murni dan mahu kekal berkuasa dengan menawan hati serta minda rakyat menerusi gerak kerja ke peringkat akar umbi.

Untuk itu, Najib berkata, kerajaan akan terus mempertahankan prinsip demokrasi dan melaksanakan penambahbaikan bagi memastikan demokrasi negara berjalan lebih sihat dan telus.

Beliau juga menegaskan kerajaan tidak sesekali gentar menghadapi pembangkang pada pilihan raya umum akan datang dan menggesa semua orang Melayu bangkit bersatu padu bersama kaum lain membantu kemenangan UMNO dan Barisan Nasional (BN).

"Ini satu-satunya tanah air kita,

ia adalah satu sejarah yang amat besar ertinya. Kita akan pertahankannya dalam apa jua keadaan, jangan ada sesiapa yang cuba memperkotak-katikkan negara kita.

"Sebenarnya demokrasi di Malaysia sangat sihat, adil, dan saya tidak takut tubuh kerajaan dengan melaksanakan penambahbaikan. Saya tidak tubuh kerajaan dengan cara tidak baik. Caranya ialah dengan kita berpadu... kalau Melayu berpadu, kita kuat dan menang pilihan raya.

"Kita akan buktikan bahawa negara ini milik siapa. Kita mahu Malaysia dan UMNO dihormati di dunia. Kuatkan barisan kita dan perpaduan... kita akan berjaya dalam perjuangan kita," katanya pada majlis Penerangan Perdana, di Dewan Merdeka Pusat Dagangan Dunia Putra di sini, semalam.

Turut hadir Timbalan Perdana

Menteri, Tan Sri Muhyiddin Yassin; Naib Presiden, Datuk Seri Dr Ahmad Zahid Hamidi dan Datuk Seri Mohd Shafie Apdal; Ketua Wanita, Datuk Seri Shahrizat Abdul Jalil; dan Ketua Pemuda, Khairy Jamaluddin.

Lebih 6,000 orang terdiri daripada sayap parti UMNO, wakil 70 NGO dan syarikat berkaitan kerajaan (GLC) menghadiri majlis sehari itu yang bertujuan memberi penjelasan mengenai dasar baru dan aspirasi negara serta isu semasa. Majlis itu adalah untuk menerangkan kepada ahli UMNO dan penyokong kerajaan mengenai situasi semasa dan pendirian kerajaan terhadap perhimpunan haram kelmarin.

Najib juga berkata, pejuang sebenar sistem demokrasi sejak kerajaan ditubuhkan adalah UMNO dan BN, bukannya pihak lain kerana ia sentiasa mempertahankan

dan menambah baik Perlembagaan Persekutuan serta institusi diraja.

"Kalau UMNO tidak ada tradisi mempertahankan demokrasi, kita tidak serah kuasa kepada Parlimen bila sampai masa. Kita hormat institusi Raja dan sebab itu kita junjung kasih kepada nasihat Raja, tapi kita kesal orang tidak terima nasihat Yang di-Pertuan Agong," katanya merujuk kepada perhimpunan haram kelmarin yang didalangi parti pembangkang.

Beliau juga menjelaskan UMNO tidak takut menghadapi proses pilihan raya kerana kerajaan sentiasa memastikan setiap pilihan raya dijalankan secara bebas dan telus.

Katanya, matlamat UMNO dan BN juga mahu melihat rakyat pelbagai kaum terus hidup aman dan harmoni bagi membolehkan kerajaan merancang pelbagai program demi faedah semua.